

Headline **Nik Aziz minta Najib benarkan hudud**  
Date **18 Sep 2011**  
MediaTitle **Sinar Harian**  
Section **Nasional**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
Page No **9**  
Article Size **191 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **1,050**  
PRValue **3,150**



# Nik Aziz minta Najib benarkan hudud

**SUHAIZA ABU BAKAR**

**KOTABHARU** – Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mempertimbangkan hasrat Kerajaan Negeri Kelantan untuk melaksanakan hukum hudud.

Menteri Besar itu berkata, pelaksanaan undang-undang Islam berkenaan sebelum ini mendapat tentangan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dengan mengugut bertindak jika Pas Kelantan melaksanakannya.

“Kerajaan Negeri setiap masa hendak kepada hudud, apabila tiada hudud inilah jadinya, rasuah, zina, pecah rumah dan sebagainya. Hudud



**Nik Aziz menerima cenderahati selepas Seminar Pelaksanaan Siasah Syar'iyah Dalam Konteks Semasa di Kota Bharu.**

ini perlu disegerakan, Pas Kelantan sudah lulus, semua Adun (Ahli Dewan Undangan Negeri) tidak kira, Pas atau Umno sokong 100 peratus.

“Selepas hudud diluluskan dalam Dewan Undangan

Negeri (Dun), Perdana Menteri datang Kelantan dan cakap kalau Kelantan laksana hudud kami akan bertindak. Jadi Pas Kelantan hentikan hudud walaupun semua dah siap. Akhirat kelak kalau Allah tanya

kenapa tidak laksana hudud saya kata tanya Tun Dr Mahathir. Insyallah harap terbuka pintu hati Najib untuk laksanakan hudud,” katanya.

Kenyataan Nik Aziz itu sebagai mengulas laporan Yayasan Aids Malaysia yang merumuskan Kelantan mencatatkan angka tertinggi penghidap HIV, tahun lalu, selepas Pahang, Wilayah Persekutuan dan Johor.

Enakmen Undang-undang Kanun Jenayah Syariah (ii) 1993 (Hukum Hudud) diluluskan Dun Kelantan pada 1993, berikutan janji Pas dalam manifestonya akan melaksanakan hukum hudud pada Pilihan Raya Umum 1990.